

PM akan rasmi musabqah peringkat kebangsaan

IPOH, Rabu — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan merasmikan musabqah membaca al-Quran peringkat kebangsaan di Stadium Perak di sini empat hari bermula 13 Jun ini.

Timbalan beliau, Datuk Musa Hitam akan juga turut hadir.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Haji Wan Mohamed bin Haji Wan Teh akan merasmikan musabqah menghafal al-Quran peringkat kebangsaan di Wisma Wan Mohamed pada hari berikutnya.

Sultan Perak diiringi oleh Raja Perempuan akan berangkat menyampaikan hadiah-hadiah serta menutup musabqah tersebut pada 16 Jun.

Musabqah membaca al-Quran kali kedua diadakan di luar Kuala Lumpur ini diadakan secara sederhana dengan belanja kira-kira \$500,000.

Persembahan nasyid dan hadrah, lambang kebudayaan negeri Perak akan diadakan tetapi acara pentomen serta iringan musik ditiadakan.

Sementara itu, setiausaha jawatankuasa besar majlis tersebut, Encik Shariff Osman berkata, astaka berharga \$84,000 dibina di Stadium Perak hampir siap.

Di samping itu, katanya, tujuh buah pintu gerbang menghiasi beberapa jalan di bandar Ipoh akan juga dibina. Tiga buah telah pun siap tersergam.

Di waktu malam, bandar ini akan dihiasi dengan lampu-lampu berwarna serta bendera-bendera kecil untuk menyerikan lagi majlis mulia itu.